

4.9 MESYUARAT EKSEKUTIF PENTADBIRAN DI SEKOLAH PERTANIAN LESTARI, SANDAKAN

Disediakan oleh: Pn.Norazmayati Kassim, Penolong Pendaftar



Pada 22 Jun 2012, seramai 40 orang Ketua-ketua Pentadbiran Jabatan/Sekolah/Pusat/Institut/Unit (JSPIU) telah menghadiri Mesyuarat Eksekutif Pentadbiran (MEP) yang dipengerusikan oleh YBhg. Mej. (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said, Pendaftar UMS. Mesyuarat ini diadakan setiap bulan dan buat julung kalinya MEP Kali Ke-5 tahun 2012 telah diadakan di Sekolah Pertanian Lestari, Sandakan.

MEP merupakan satu-satunya *platform* yang mengumpulkan semua Ketua Pentadbiran atau wakil Pendaftar (para Penolong Pendaftar hinggalah kepada Ketua Timbalan Pendaftar) di J/S/P/I/U untuk melaporkan, membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu isi berkaitan tadbir urus di J/S/P/I/U masing-masing.

Sebelum mesyuarat berlangsung, YBhg. Mej. (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd Said berkongsi pengalaman berharga beliau ketika mengikuti program *Creating Collaborative Solutions: Innovations in Governance* pada 23 hingga 28 Oktober 2011 di Harvard Kennedy School, Amerika Syarikat.